

KADAR BAYARAN KERJA-KERJA PENERBITAN UNIVERSITI

ROYALTI

Royalti ialah kadar bayaran yang perlu dibayar kepada pengarang/penulis. Kadar royalti ditentukan oleh Penerbit di mana bayaran dikira daripada jumlah buku yang terjual. Pembayaran royalti dilakukan secara berulang kali bergantung kepada penjualan buku. Tiada bayaran diberikan kepada pengarang/penulis bagi penerbitan jurnal. Pembayaran royalti ini diberikan kepada beberapa bahan penerbitan yang diterbitkan oleh pengarang.

Kriteria

- Royalti Buku Ilmiah **10 – 15%**
- Royalti Buku Suntingan **5 – 10%**

Karya yang dihasilkan oleh lebih daripada seorang pengarang, pembayaran dibahagikan kepada semua penulis dengan syer yang sama atau dengan apa-apa persetujuan yang lain oleh penulis.

HONORARIUM

Honorarium ialah saguhati yang dibayar sekali gus sebagai membalas jasa kepada pengarang, penyunting dan penilai. Kadar maksimum yang perlu dibayar adalah sebanyak **RM 500.00** untuk satu judul buku kepada pengarang. Sekiranya pengarang lebih daripada seorang, maka kadar ini hendaklah dibahagi secara sama rata.

PENILAIAN

Penilai ialah orang luar daripada penerbit yang membuat penilaian ke atas kesesuaian sesebuah manuskrip itu diterbitkan. Penilai ini akan mencadangkan sama ada sesebuah buku itu diterbitkan atau tidak. Biasanya mereka akan dibayar terus secara pukal per manuskrip dan bayaran dibuat berdasarkan kepada kepakaran dan ketebalan manuskrip.

Terdapat beberapa kriteria yang dipertimbangkan dalam penetapan kadar pembayaran saguhati kepada penilai yang berbeza antara penilai manuskrip jurnal dan buku.

Pembayaran kepada penilai atas kadar **RM 50.00 (minima)** hingga **RM 350.00 (maksima)**.

Penilai Manuskrip Buku

Kriteria

- Insentif Asas **RM 100.00**
- Insentif Kepakaran
 - Profesor **RM 100.00**
 - Prof. Madya **RM 75.00**
 - Pensyarah **RM 50.00**

◦ Ketebalan Manuskrip	
- Kurang 200 m/s	Tiada
- 201 – 400 m/s	RM 50.00
- Melebihi 400 m/s	RM 75.00
◦ Jangka Masa	
- Kurang 2 bulan	RM 75.00
- 2 – 3 bulan	RM 50.00
- Melebihi 3 bulan	Tiada
 <u>Penilai Manuskrip Jurnal</u>	
<u>Kriteria</u>	
◦ Insentif Asas	RM 50.00

TERJEMAHAN

Ketua Penerbit perlu menggunakan pertimbangan untuk menentukan nilai sebenar kadar terjemahan bergantung kepada jumlah perkataan karya dari buku asal yang diterbitkan.

Kriteria

Terjemahan karya bahasa asing ke Bahasa Melayu	RM 0.05 – RM 0.10 bagi satu patah perkataan
--	--

PENYUNTINGAN

Tugas-tugas penyuntingan boleh dilakukan di peringkat dalaman Universiti atau pihak luar bergantung kepada manuskrip yang ingin diterbitkan.

Kriteria

Kadar kerja-kerja penyuntingan	RM 0.05 – RM 0.10 bagi setiap patah perkataan samada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris
--------------------------------	--

PEMBACAAN PRUF

Proses pembacaan pruf akan dilakukan setelah manuskrip siap disunting oleh penyunting. Pembaca pruf akan menyemak semula dan membuat pembetulan ke atas kesilapan manuskrip yang ingin diterbitkan. Pembacaan pruf biasanya dilakukan sebanyak dua kali iaitu pruf pertama dan pruf kedua.

Pruf Pertama

Kriteria

◦ Halaman bersaiz 5.5" x 7.5" dan 6" x 9"	RM 2.50 untuk satu halaman
◦ Halaman bersaiz 7" x 10" atau lebih besar	RM 2.00 untuk satu halaman

Pruf Kedua

Kriteria

- Halaman bersaiz 5.5" x 7.5" dan 6" x 9" **RM 2.00 untuk satu halaman**
- Halaman bersaiz 7" x 10" atau lebih besar **RM 1.50 untuk satu halaman**

ATUR HURUF / REKA LETAK

Kadar yang perlu bagi kerja atur huruf adalah antara **RM 8.00 – RM 15.00 semuka** berdasarkan kepada jenis teks dan kesukaran manuskrip yang diperolehi. Pengarang hendaklah memastikan segala gambarajah atau jadual dalam salinan 'softcopy' boleh dipindah dengan mudah apabila kerja atur huruf dijalankan. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan honorarium penulis ditolak kerana kos tambahan terpaksa dilakukan kerana pengatur huruf terpaksa membuat gambarajah baru.

REKAAN KULIT

Kriteria

- Kulit buku satu / dua warna **RM 200.00**
- Kulit buku empat warna **RM 300.00**

PENYEDIAAN ILUSTRASI

Penulis dan penterjemah bertanggungjawab untuk menyediakan rajah dan ilustrasi bagi buku-buku yang ingin diterbitkan. Bantuan penyediaan ilustrasi yang rumit seperti pelan, gambar foto dan sebagainya hanya diberikan kepada penulis yang terdiri dari staf KUiTTHO dan bagi manuskrip yang bakal dan layak diterbitkan dalam siri buku sahaja. Kadar ditentukan melalui rundingan antara Ketua penerbit dengan pelukis tetapi kadar upah hendaklah tidak melebihi **RM 500.00**.

PENYEDIAAN INDEKS

Penulis/pengarang dipertanggungjawabkan menyediakan indeks bagi buku-buku yang ingin diterbitkan. Namun begitu sekiranya penulis tidak mempunyai masa untuk menyediakan indeks, ia boleh meminta bantuan daripada penerbit untuk menyediakannya. Soal bayaran akan ditetapkan berdasarkan kepada persetujuan Jawatankuasa Penerbitan dengan penulis/pengarang. Upah mengindeks diberikan kepada pencari indeks bergantung kepada jumlah indeks yang diperolehi. Kadar yang dicadangkan adalah **RM 0.10 bagi setiap entri** dengan maksimum sebanyak RM300.00.